

10 JUN 1999

DR MAHATHIR RASMI PERHIMPUNAN PERKASA PEMUDA UMNO

KUALA LUMPUR, 10 Jun (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini merasmikan Perhimpunan Perkasa Pemuda Umno di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini.

Ia disertai lebih 1,800 anggota pergerakan itu dari seluruh negara.

Turut hadir ialah Pemangku Ketua Pemuda UMNO, Datuk Hishammuddin Hussein, bekas Timbalan Perdana Menteri Tun Ghafar Baba serta menteri kabinet dan menteri besar.

Selepas majlis perasmian itu, peserta akan mengikuti Kem Gerak Gempur yang akan diadakan serentak selama empat hari di 10 Kem Bina Negara di seluruh negara.

Tujuan kem itu ialah untuk meningkatkan lagi pengetahuan anggota pergerakan itu bagi menghadapi cabaran dan isu semasa khususnya sebagai persediaan bagi pilihan raya umum akan datang.

-- BERNAMA

AR MAI